



**Majlis Peguam  
Bar Council Malaysia**

[www.malaysianbar.org.my](http://www.malaysianbar.org.my)

No 15 Leboh Pasar Besar  
50050 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel : +603-2050 2050 (hunting line)  
Fax : +603-2026 1313, 2034 2825, 2072 5818  
Email : [council@malaysianbar.org.my](mailto:council@malaysianbar.org.my)

**No Pekeliling 235/2011  
Tarikh 14 Okt 2011**

Ahli-ahli Bar Malaysia

**Jemputan bagi Memeriahkan Acara Pertandingan Pidato Peguam (19 Okt 2011)**

Kami merujuk kepada [No Pekeliling 221/2011](#).

Pihak Majlis Peguam, bersama-sama Dewan Bahasa dan Pustaka (“DBP”), bakal menganjurkan satu pertandingan pidato untuk para peguam. Acara yang julung-julung kali diadakan ini adalah bagi menyemarakkan lagi sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan 2011 anjuran DBP yang diadakan pada bulan Oktober setiap tahun.

Dengan sukacitanya, kami menjemput semua Ahli untuk hadir bagi memeriahkan acara ini dan menyokong rakan-rakan kita yang bakal berjuang bagi menyampaikan idea, pandangan dan fakta yang berkesan dan bernas. Sokongan dari rakan peguam yang lain dan masyarakat umum amatlah dihargai.

Berikut adalah maklumat lanjut mengenai pertandingan tersebut:

**Tarikh:** 19 Okt 2011 (Rabu)  
**Masa:** 2:00 petang – 5:00 petang  
**Tempat:** Auditorium DBP, Menara DBP, Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur

Aturcara program (tertakluk kepada perubahan akhir):

2:00 petang: Pendaftaran Peserta  
Ketibaan Tetamu Jemputan

2:30 petang: Pertandingan Pidato Peguam  
(Peserta 1–10)

4:15 petang: Ucapan Alu-aluan oleh YBhg Salahuddin Abg Shokeran  
*Pengarah Jabatan Pengembangan Bahasa dan Sastera, DBP*

Ucapan oleh Tony Woon Yeow Thong  
*Setiausaha, Bar Malaysia*

Penyampaian Hadiah

Minum Petang

Bersurai

Untuk pendaftaran dan keterangan lanjut, sila hubungi Adi Irman (03-2050 2102) atau Mazni Ibrahim (03-2050 2101; [mazni@malaysianbar.org.my](mailto:mazni@malaysianbar.org.my)).

Terima kasih.

**Amirruddin Abu Bakar**  
**Mukhtar Abdullah**  
**Pengerusi-pengerusi Bersama**  
**Jawatankuasa Bahasa Melayu**